

15 OCT 2002

Mahathir-Nuklear/I

DIALOG SEGERA PERLU BAGI HALANG PENYEBARAN SENJATA NUKLEAR, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu dialog antarabangsa perlu diadakan dengan segera untuk mencari pendekatan berbilang pihak dalam melucutkan dan menghalang penyebaran senjata nuklear untuk mengelakkan akibat buruk.

Beliau berkata adalah penting, khasnya sekarang ini apabila terdapat kecenderungan beberapa negara untuk menghakimi negara-negara tertentu sebagai memajukan ataupun berhasrat untuk memajukan senjata nuklear, tanpa menghiraukan penemuan, ataupun jalan penyelesaian yang dicadangkan oleh agensi-agensi berbilang pihak yang diberi kuasa untuk membuat penghakiman seperti itu.

"Kita telah melihat bagaimana berat sebelah penghakiman satu pihak. Jika sesebuah negara yang membangunkan senjata itu adalah sekutunya, tiada tindakan akan diambil untuk menghalang pembangunan, pemilikan ataupun untuk mengenakan kawalan terhadap senjata nuklear itu.

"Jika bukan sekutu, ia akan menunjukkan kemarahannya dan mengenakan segala kekuatan ketenteraannya terhadap negara-negara terbabit," kata beliau semasa merasmikan Persidangan Nuklear Antarabangsa 2002 di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, negara-negara dunia juga tidak harus diabui kepentingan dalam negara yang sempit semasa mengejar dialog seperti itu.

Perdana Menteri berkata, oleh kerana adanya kecenderungan untuk bertindak satu pihak sebagai pendakwaraya, hakim dan juri antarabangsa, kini muncul ancaman daripada negara-negara ini untuk melancarkan serangan terlebih dahulu di kemudahan-kemudahan nuklear di negara-negara yang didakwa memajukan senjata itu, dengan usaha memerangi keganasan sekarang ini menjadi alasan mudah.

Pada masa yang sama kurangnya prinsip moral dalam mengusahakan kawalan eksport nuklear serta pelucutan senjata dan juga kecenderungan untuk bertindak terhadap yang lain dalam hal-hal yang tidak berkaitan dengan penyebaran senjata nuklear akan membawa kepada akibat buruk yang boleh mengancam objektif-objektif menghalang penyebaran nuklear," katanya.

Beliau berkata tindakan satu pihak ini bukan hanya menyebabkan lebih banyak negara rasa terancam, ia juga boleh menyebabkan negara-negara terancam ini mengambil tindakan sendiri menggunakan keganasan dan sehinggakan keganasan nuklear.

"Lebih berbahaya lagi ialah apabila negara-negara terancam ialah negara-negara yang sebahagian besar penduduknya adalah daripada agama tertentu.

"Ini akan menyebabkan timbulnya pendapat yang negara-negara dan penduduk dengan agama itu dianiaya, ekoran pendapat lebih kurang sama yang timbul dalam konteks perang global terhadap keganasan sekarang ini," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia, sebagai sebuah negara Islam yang mematuhi ajaran Islam asas, akan mengusahakan dialog antara agama untuk menggalakkan keamanan global dan keselamatan, tetapi tindakan menganiaya dalam hal-hal berkaitan usaha menghalang penyebaran senjata nuklear dan pelucutan senjata itu akan menjejaskan usaha itu.

Perdana Menteri berkata, forum sebenar untuk menyediakan satu saluran bagi dialog antarabangsa, khasnya Persidangan Kajian Semula Perjanjian Menghalang Penyebaran Senjata Nuklear (NPT), gagal menganjurkan dialog itu.

Begitu juga Persidangan Pelucutan (CD) di Geneva yang tergendala kerana

keengganan negara-negara berkenaan untuk mengaitkan isu-isu seperti larangan ujian senjata nuklear dan menghentikan pengeluaran material nuklear dalam memajukan jadual waktu bagi pelucutan senjata nuklear.

Semasa bercakap di persidangan berita kemudian, Dr Mahathir, yang enggan menamakan negara-negara yang beliau dakwa berat sebelah dan bertindak satu pihak dalam penghakimannya, berkata: "Saya tidak mahu spesifik, tetapi satu perkara yang saya tahu ialah tiada tekanan dikenakan terhadap Israel untuk melucutkan senjata nuklear mereka, tetapi terdapat begitu banyak tekanan terhadap negara-negara lain".

Beliau berkata, tindakan satu pihak terhadap Iraq sebagai contoh berdasarkan kepada kemungkinan negara itu sebuah negara senjata nuklear.

"Jika anda menyerang sesebuah negara hanya berdasarkan kepada kemungkinan, maka semua negara lain akan diserang. Mereka seharusnya menyerang Israel," kata beliau.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata sekutu-sekutu Malaysia adalah mereka yang mahu melihat keamanan dan tidak ambil kisah mengenai senjata nuklear.

Diminta menyatakan apa yang beliau percaya menjadi punca keganasan, beliau berkata ia termasuk serangan berterusan terhadap Palestin, serangan ganas terhadap mereka (Amerika), tindak balas mereka (Amerika) dan idea menceroboh Iraq.

Secara amnya, beliau berkata bagi Amerika puncanya ialah negara-negara Islam.

Mengenai laporan akhbar Indonesia yang memetik pemimpin Islam Indonesia sebagai mendakwa Amerika mendalangi letupan bom di Bali, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu mengenai perkara itu dan barangkali pihak berkenaan mempunyai bukti-bukti untuk membuat dakwaan itu.

Tentang dakwaan Indonesia pula bahawa kumpulan al-Qaeda terbabit dalam kejadian itu beliau berkata: "Nampaknya masing-masing mempunyai pendapat yang berlainan antara mereka."

-- BERNAMA  
AFY AHH PR